

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
PERTUBUHAN PELADANG NEGERI
PULAU PINANG

AHMAD TERMIZI BIN HJ ISMAIL

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada
JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA

2006

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya, Ahmad Termizi bin Hj. Ismail, nombor matrik UK10958 mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus PGN 4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan




.....

Nama : Ahmad Termizi bin Hj. Ismail

Tarikh : 8/11/2006

Disahkan oleh :



.....

Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM

Certified True Copy



.....

Zula Resufila Abu Hasin

Lecturer

Department of Management and Marketing

Faculty of Management and Economics

University of Science and Technology Malaysia

1100045070

PENGHARGAAN

Bersyukur ke hadrat Allah s.w.t kerana keizinan dan limpah kurniaNYA, maka dapat saya menyiapkan laporan latihan industri ini. Kesempatan ini juga saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih diatas bantuan dan sokongan daripada semua yang telah memberi kerjasama dalam menjayakan laporan ini.

Ucapan setinggi-tinggi penghargaan ini, saya tujukan khas dan teristimewa kepada pensyarah saya, Cik Zuha Rosufila binti Abu Hasan selaku Penyelia KUSTEM yang banyak memberi tunjuk ajar ketika menjalani latihan industri dan juga semasa menyiapkan laporan ini. Ucapan terima kasih sekali lagi kepada pensyarah kerana sentiasa bersedia untuk membantu apabila diperlukan tanpa mengira kesibukan tugas beliau sebagai pensyarah.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tn. Hj. Sapuan bin Danuri iaitu Pengurus Besar Pertubuhan Peladang Negeri Pulau Pinang selaku Penyelia Industri dan juga bantuan Encik Jamaluddin bin Ismail, Timbalan Pengurus Besar yang turut membantu dalam memberi tunjuk ajar walaupun sibuk dengan komitmen tugas masing-masing. Tidak lupa juga kepada semua anggota PPN Pulau Pinang yang banyak memberi maklumat serta kerjasama yang begitu baik semasa saya menjalani latihan praktikal di sana.

Selain itu, berbanyak terima kasih tidak terhingga kepada seluruh keluarga, rakan taulan yang banyak memberi dorongan dan sokongan dalam semua aspek sepanjang saya menjalani latihan di PPN Pulau Pinang tersebut.

Sesungguhnya, jasa tuan puan semua amat dihargai dan didoakan agar mendapat rahmat dan ganjaran daripada Allah s.w.t. Amin.

SENARAI ISI KANDUNGAN

Muka Surat

Penghargaan	ii
Senarai Jadual	vi
Senarai Gambarajah	vii
Ringkasan Eksekutif	viii

BAB 1

1.0 LATAR BELAKANG ORGANISASI	1
1.1 Sejarah Ringkas Organisasi	1
1.1.1 Penubuhan Pertubuhan Peladang	1
1.1.2 Peranan Pertubuhan Peladang	2
1.1.3 Logo	3
1.1.4 Wawasan, Misi dan Slogan	4
1.1.5 Sejarah PPN Pulau Pinang	5
1.2 Maklumat Organisasi	7
1.3 Struktur Organisasi	9
1.4 Aktiviti Yang Dijalankan	14
1.4.1 Input Pertanian	14
1.4.2 Kontrak Kerja dan Bekalan	14
1.4.3 Projek Lanskap dan Semaian	15
1.4.4 Perniagaan Insuran	15
1.4.5 Perkhidmatan Kejenteraan Ladang	15
1.4.6 Gerai Pasartani dan Pasar Awam	16
1.4.7 Skim Payung Ayam Daging (SEPADA)	16
1.4.8 Projek Ternakan Ikan Dalam Sangkar	16
1.4.9 Pengangkutan	17
1.5 Kemahiran Dan Latihan Yang Dipelajari	18
1.6 Ringkasan Kerja Yang Dilakukan	21

BAB 2		
2.0	MENGENALPASTI SISTEM KERJA, MASALAH, CADANGAN PENYELESAIAN DAN IMPLIKASI	23
2.1	Sistem Kerja Pengurusan Kredit	
2.1.1	Latar Belakang	23
2.1.2	Mengenalpasti Sistem Kerja Sedia Ada	24
2.1.3	Analisa dan Mengenalpasti Masalah	28
2.1.4	Cadangan Penyelesaian	31
2.1.5	Perlaksanaan Cadangan dan Implikasi	32
2.2	Sistem Kerja Pemasaran Lanskap dan Semaian	
2.2.1	Latar Belakang	33
2.2.2	Mengenalpasti Sistem Kerja Sedia Ada	33
2.2.3	Analisa dan Mengenalpasti Masalah	35
2.2.4	Cadangan Penyelesaian	38
2.2.5	Perlaksanaan Cadangan dan Implikasi	40
2.3	Sistem Kerja Pemasaran Ikan Dalam Sangkar	
2.3.1	Latar Belakang	41
2.3.2	Mengenalpasti Sistem Kerja Sedia Ada	41
2.3.3	Analisa dan Mengenalpasti Masalah	44
2.3.4	Cadangan Penyelesaian	45
2.3.5	Perlaksanaan Cadangan dan Implikasi	49
BAB 3		
3.0	PENUTUP	50

RUJUKAN

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

- Jadual 1.1 : Senarai Ahli Jemaah Pengarah
- Jadual 2.1 : Laporan Akaun Akan Terima

SENARAI GAMBARAJAH

- Gambarajah 1.1 : Logo Pertubuhan Peladang
- Gambarajah 1.2 : Struktur Pergerakan Pertubuhan Peladang
- Gambarajah 1.3 : Carta Organisasi PPN Pulau Pinang
- Gambarajah 2.1 : Sistem Kerja Pengurusan Kredit
- Gambarajah 2.2 : Masalah Sistem Kerja Pengurusan Kredit
- Gambarajah 2.3 : Sistem Kerja Pemasaran Projek Lanskap dan Semaian
- Gambarajah 2.4 : Masalah Sistem Kerja Pemasaran Projek Lanskap dan Semaian
- Gambarajah 2.5 : Keputusan-Keputusan Utama Pengiklanan
- Gambarajah 2.6 : Sistem Kerja Pemasaran Projek Ternakan Ikan Dalam sangkar
- Gambarajah 2.7 : Sistem Kerja Pemasaran Projek Ternakan Ikan Dalam Sangkar Yang Diubahsuai.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan Industri (LI) merupakan suatu aspek yang sangat penting dalam program pengajian di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM). Melalui LI ini, pelatih berpeluang untuk belajar melalui pemerhatian dan penglibatan secara langsung sesuatu bidang pekerjaan tersebut. Organisasi yang dipilih oleh pelatih untuk menjalani LI ialah di Pertubuhan Peladang Negeri Pulau Pinang (PPN Pulau Pinang). PPN Pulau Pinang ini merupakan sebuah badan pergerakan yang berasaskan pertanian yang berfungsi untuk memberi perkhidmatan kepada ahli-ahlinya iaitu Pertubuhan Peladang Kawasan di seluruh negeri Pulau Pinang.

Antara aktiviti yang dijalankan oleh PPN Pulau Pinang ialah penjualan input pertanian, kontrak tender dan bekalan, perkhidmatan pengangkutan dan kejenteraan, perniagaan insuran, projek lanskap dan semaian, juga projek ternakan ikan dalam sangkar dan sebagainya. Sepanjang 12 minggu pelatih menjalani LI disana, pelatih telah mengenalpasti dan mengkaji 3 sistem sedia ada iaitu Sistem Kerja Pengurusan Kredit, Sistem Kerja Pengurusan Lanskap dan Semaian serta Sistem Kerja Pemasaran Projek Ternakan Ikan Dalam Sangkar. Masalah yang dihadapi oleh Sistem Pengurusan Kredit ini ialah akaun belum terima yang tinggi. Ini disebabkan oleh kelewatan pelanggan membayar hutang mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan.

Bagi situasi ini pelatih telah mencadangkan agar diwujudkan skim insentif bagi pelanggan yang membayar awal dan juga tindakan penalti bagi pelanggan yang membayar lewat. Bagi sistem kedua pula, menghadapi masalah dari segi prestasi keuntungan yang rendah berbanding dengan sasaran yang ditetapkan. Antara punca yang dikenalpasti ialah berkurangnya pelanggan dan penggunaan lori yang tidak optimum. Jesteru itu, penyelesaian yang dicadangkan ialah ditambah ruang pasaran dengan dibuat kempen promosi dan pengiklanan serta pengurusan logistik bersepadu.

Untuk Sistem Kerja Pemasaran Ternakan Ikan, tidak begitu ketara masalah yang dihadapi. Akan tetapi disebabkan ianya suatu projek yang komersial dan berskala besar, maka memerlukan pengawasan dan pengawalan yang teliti. Dalam hal ini, PPN Pulau Pinang tidak mempunyai pelan yang khusus dari segi pemasaran. Jesteru itu pelatih telah mencadangkan agar dibuat pelan pemasaran bagi projek ternakan ini sebagai panduan untuk tempoh 3 tahun. Dari cadangan yang diberikan merupakan suatu yang praktikal untuk dilaksanakan dan semua idea cadangan ini adalah merupakan aplikasi dari apa yang dipelajari didalam kuliah. Dari ketiga-tiga cadangan diatas, pelan pemasaran projek ternakan ikan telah berjaya disiapkan oleh pelatih dan telah digunapakai serta dihantar ke Lembaga Pertubuhan Peladang negeri dan ke ibu pejabat Kuala Lumpur.